

SULIT



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019**

5226/2

Tasawwur Islam

Kertas 2

Ogos

2019

2 ½ jam

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan.
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman kosong

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

1. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan fitrah beragama?. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **empat** ciri orang yang berpegang teguh dengan agama. [4 markah]
 - (b)

Bilangan rasul yang wajib diketahui adalah seramai 25 orang yang bermula daripada Nabi Adam AS hinggalah ke Nabi Muhammad SAW. Daripada jumlah tersebut, seramai lima orang rasul bergelar Ulul Azmi.

Berikan **dua** sebab mereka dimuliakan dengan gelaran tersebut. [4 markah]
 - (c)

Alam ghaib ialah alam yang tidak dapat ditanggapi oleh akal dan pancaindera manusia dan hanya dapat diyakini dengan keimanan kepada Allah SWT.
--

Nyatakan **dua** sebab Allah SWT merahsiakan alam ghaib daripada penglihatan manusia. [4 markah]
 - (d) Apakah maksud ilmu fardu kifayah ?. [2 markah]
 - (e)

Penyebaran berita tanpa ditapis melalui media sosial seperti whatapps, twitter dan sebagainya boleh mempengaruhi pemikiran umat Islam.
--

Pada pendapat anda apakah kesan negatif yang akan berlaku jika keadaan tersebut tidak ditangani dengan sebaiknya. [4 markah]
2. (a) Nyatakan **empat** ciri agama langit yang diturunkan sejak daripada Nabi Adam AS hingga kepada Nabi Muhammad SAW. [4 markah]
 - (b) Islam sentiasa menjaga hak asasi manusia, selaras dengan konsep Alamiyyah
 - (i) Senaraikan **dua** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [2 markah]
 - (ii) Berikan **dua** bukti Islam menyamatarafkan manusia sebagaimana yang terkandung dalam prinsip alamiyyah. [2 markah]
 - (c) Nyatakan **dua** contoh Islam bersifat praktikal dalam ibadat selaras dengan prinsip waqiiyyah. [4 markah]
 - (d) (i) Berikan **dua** perkara yang tetap dan tidak boleh berubah dalam ajaran Islam yang bersesuaian dengan prinsip thabat. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan perkaitan antara murunah dengan thabat dalam perkara berikut [2 markah]
 - (i) Solat.
 - (ii) Pakaian.

- (e) En Saiful telah menyambung pengajian ke negara bukan Islam dan hidup dalam kalangan jiran yang bukan beragama Islam.

Huraikan cara yang sepatutnya dilakukan oleh En. Saiful dalam menjaga adab pergaulan dengan jiran sebagaimana yang digariskan oleh Islam selaras dengan prinsip syumuliyah. [4 markah]

3. (a) (i) Senaraikan **empat** prinsip negara Islam. [4 markah]

- (ii) Antara ciri-ciri negara Islam ialah menjadikan majlis syura sebagai asas pemerintahannya. Jelaskan **dua** kebaikan majlis syura. [4 markah]

- (b) " Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berbuat demikian) api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain daripada Allah SWT, Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan".
(Maksud al-Quran Surah Hud, 12: ayat 113)

Huraikan kesan kepada sistem kehakiman jika hakim cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim dalam perbicaraan. [4 markah]

- (c) Islam menuntut umatnya supaya mengamalkan sifat mahmudah bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Terangkan **dua** cara memupuk sifat mahmudah dalam diri remaja sekarang. 4 markah]

- (d) Ismadi belajar bersungguh-sungguh untuk menghadapi peperiksaan SPM pada akhir tahun ini, walaupun beliau sering gagal hadir ke sekolah kerana terpaksa menolong ibunya berniaga. Beliau masih menaruh harapan untuk lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan tersebut dengan berserah kepada Allah SWT kerana beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh.

- (i) Nyatakan konsep yang dipegang oleh Ismadi berdasarkan situasi diatas. [1 markah]

- (ii) Berikan **tiga** kebaikan konsep tersebut. [3 markah]

4. (a) Harta merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia yang mesti diuruskan dengan mengamalkan sifat amanah.
- (i) Jelaskan **dua** sebab Allah SWT mengamanahkan harta kepada manusia. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kebaikan menunaikan tanggungjawab terhadap harta. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** syarat sesuatu pekerjaan dikira sebagai ibadat. [4 markah]
- (c) Sistem muamalah Islam yang diamalkan dapat memberikan kesan kearah meningkatkan kualiti kehidupan manusia.
Berikan **dua** daripada kesan tersebut. [4 markah]
- (d) En Bazli telah memperolehi sebanyak RM100.000.00 daripada harta pesaka peninggalan arwah ayahnya.
- (i) Nyatakan jenis muamalah yang boleh dilakukan oleh En. Bazli bagi mengembangkan lagi hartanya yang sesuai dengan sistem muamalah Islam. [1 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** sebab jenis muamalah tersebut sesuai dengan keadaan En. Bazli. [3 markah]
- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perundangan Islam? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** matlamat hukum fikah dalam perundangan Islam. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** sebab Islam mengalakkan umatnya supaya berkahwin. [2 markah]
- (d) Nyatakan **dua** hikmah penetapan hukum wajib dalam Islam. [4 markah]
- (e) Ghazi merupakan seorang bekas banduan yang baru tamat menjalani hukuman penjara selama 10 tahun di penjara kajang atas kesalahan mencuri. Setelah menjalani hukuman, beliau telah insaf dan bertaubat daripada kesalahan lampau.
Jelaskan kebaikan yang diperolehi oleh Ghazi kesan daripada taubat yang beliau lakukan. [4 markah]

- 6.(a) (i) Nyatakan **dua** sebab sesuatu masalah mesti diselesaikan secara Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **empat** langkah yang disarankan dalam Islam bagi menyelesaikan sesuatu masalah. [4 markah]
- (b) Bincangkan **dua** cara anda memantapkan keperibadian jati diri anda sebagai seorang remaja muslim. [4 markah]
- (c) Nyatakan **empat** bentuk jaminan keselamatan yang disediakan oleh Islam kepada umatnya. [4 markah]
- (d)

Seorang Isteri telah ditinggalkan oleh suaminya tanpa nafkah zahir dan batin melebihi empat bulan.
--

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh isteri tersebut bagi menyelesaikan masalahnya. [6 markah]
7. (a) Sistem sosial Islam adalah sistem sosial yang berteraskan Rabaniyyah.
- (i) Huraikan **dua** ciri sistem sosial Islam. [4 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** implikasi pengabaian tanggungjawab sosial kepada masyarakat. [6 markah]
- (b)

Antara matlamat perundangan Islam adalah untuk melindungi harta manusia daripada dicerobohi oleh orang lain.
--

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai ?. [4 markah]
- (c)

Sistem muamalah Islam telah menyediakan pelbagai jenis muamalah untuk memenuhi keperluan hidup manusia.

Bincangkan **tiga** sebab Islam menyediakan pelbagai jenis muamalah tersebut. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT